

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**

**TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN (STAMPIN)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) akan membuka semula kertas siasatan mengenai penjualan murah tanah Kerajaan Negeri Sarawak seluas 267 ekar di MJC Batu Kawa, Kuching, Sarawak kepada Standard Parade Development Sdn. Bhd.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan SPRM terhadap kes ini telah selesai dan pihak Peguam Negara telah memutuskan tiada tindakan pendakwaan dalam kes ini dan siasatan telah dihentikan [*No Further Action (NFA)*]. Hasil siasatan mendapat keterangan-keterangan yang diperolehi jelas menunjukkan tohmahan adalah tidak berasas dan tiada bukti untuk mengaitkan dengan pelakuan jenayah rasuah.

Sekian, terima kasih.